

**Tambahan 90 hari selepas PKP tamat untuk urusan pendaftaran, kematian
- Ismail Sabri
Astro Awani
19 April 2020
Firdaus Azil,**

KUALA LUMPUR: Tempoh lanjutan 90 hari akan diberikan selepas tamat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk urusan yang melibatkan Jabatan Pendaftaran Negara, kata Menteri Kanan (Kluster Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Dalam sidang media harian di Putrajaya hari ini, Ahli Parlimen Bera itu berkata, urusan itu merangkumi pendaftaran bayi baru lahir dan kematian.

“Disebabkan kawalan pergerakan PKP, kerajaan faham semua urusan pendaftaran kelahiran dan kematian bagi warganegara Malaysia tertangguh.

"Justeru, Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah memutuskan untuk melanjutkan tempoh pendaftaran selama 90 hari selepas tempoh PKP ditamatkan dan KDN juga telah membuat keputusan bayaran penalti dikecualikan," katanya lagi.

Khusus untuk mereka yang kehilangan dokumen pengenalan diri seperti kad pengenalan, Ismail Sabri berkata, mereka boleh menghubungi JPN dan adakan temu janji dengan pegawai pendaftaran negara.

Bagi rakyat Malaysia di luar negara yang turut mempunyai masalah yang serupa, tempoh yang sama iaitu 90 hari diberikan selepas tamat PKP di negara masing-masing.

**© 2020 Astro Awani Network Sdn. Bhd.
(535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/tambahan-90-hari-selepas-pkp-tamat-untuk-urusan-pendaftaran-kematian-ismail-sabri-239090>